



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (142)

Tarikh : 4 Jun 2016

Siaran Media

Program AZAM Bandar Meningkatkan Taraf Kehidupan

Labuan, 4 Jun 2016 – Majlis penutupan Program Azam Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM) pada pagi ini disempurnakan oleh Dato' Hafidzah Hassan, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar KPKT.

2. Kursus ini menawarkan kursus latihan kemahiran dan keusahawanan kepada 100 orang peserta dari 30 Mei sehingga 4 Jun 2016 dalam bidang berikut:

Bidang	Bilangan peserta
Makanan & minuman	67
Jahitan	16
Salon & spa	1
Kimpalan	16
Jumlah	100

3. Sepanjang kursus selama 6 hari, peserta dikehendaki menjalani program pembangunan minda insan di mana peserta akan diberi motivasi bagi meningkatkan jati diri dan menjadikan peserta lebih positif. Seterusnya peserta akan didedahkan dengan modul kewangan dan keusahawanan dan akan diberi latihan kemahiran berdasarkan bidang kursus yang dipilih.

4. Program pada pagi ini adalah di bawah Program AZAM Bandar. Projek Harapan ini dilaksanakan di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bermula tahun 2013 bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar iaitu golongan berpendapatan 40% terendah (B40) di bandar yang berdaftar dan disahkan status kemiskinan di dalam sistem eKasih supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

5. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO). Semenjak pelaksanaan program, Kementerian telah bekerjasama dengan 12 Badan Bukan Kerajaan. NGO yang terpilih akan melaksanakan program mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Di bawah program AZAM Bandar, NGO yang terpilih dikehendaki melaksanakan proses pencarian peserta, menjalankan latihan kemahiran dan keusahawanan, membekalkan peralatan dan melaksanakan pemantauan.

6. Pada tahun 2016, sasaran Kementerian adalah untuk melatih 1450 orang Ketua Isi Rumah (KIR)/Ahli Isi Rumah (AIR) di bandar. Pelaksanaan ini melibatkan sebanyak 12 NGO yang telah dilantik oleh Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my